

17/10/2003

Khidmat internet baru Jaring lebih selamat

CIRI enam dalam satu bagi perkhidmatan baru Jaring, sistem rangkaian kotak Jaring (Jaring network box) mampu menjadi rumusan paling selamat kepada pengguna untuk berhadapan dengan pelbagai ancaman berkaitan penggunaan Internet.

Pengurus Rumusan Perniagaan Jaring, Kamaruddin Abdullah berkata, perkhidmatan baru ini tidak bermakna sistem rangkaian 100 peratus kalis serangan, tetapi Jaring menjamin mampu berhadapan dengan masalah besar berkaitan pelbagai serangan siber.

Katanya, antara enam ciri disediakan dalam perkhidmatan itu merangkumi teknologi termaju untuk sistem rangkaian itu dengan ciri enkripsi 192 bit, sistem antispam dan antivirus selain penguat kuasa dasar syarikat.

"Melalui perkhidmatan ini, Jaring berusaha untuk membantu pengguna dalam penyelenggaraan dasar Internet mereka bagi memastikan pengurusan sistem rangkaian sentiasa selamat sama ada membabitkan teknologi atau dasar," katanya kepada media sempena lawatan ke bangunan baru Jaring Internet Building (JIB), di Taman Teknologi Malaysia (TPM), Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

JIB yang bernilai kira-kira RM20 juta itu dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhir bulan ini.

Bangunan ini mampu bertindak sebagai pusat pemantauan sistem rangkaian pelanggan serta memberi amaran awal mengenai sebarang gangguan dan ia dilengkapi dengan perisian serta perkakasan multimedia terkini dengan sokongan sistem tulang belakang Internet SuperJaring.

Memandangkan bangunan ini dilengkapi dengan tulang belakang berkelajuan tinggi dengan kos penggunaannya membabitkan RM30,000 setahun, JIB berupaya menjimatkan kos selain pengguna menikmati jaminan keselamatan 24 jam sama ada secara maya atau fizikal.

Kamaruddin berkata, perkhidmatan sistem rangkaian kotak Jaring itu yang disediakan di bangunan ini adalah yang pertama diperkenalkan di Malaysia dan turut menyediakan perkhidmatan untuk pengguna negara ini dan Singapura.

Ditanya sama ada sistem ini akan diteruskan apabila berlakunya penggabungan antara Jaring dan TMNet nanti, beliau menegaskan, perkhidmatan itu akan diteruskan dan ia tidak ada kaitan dengan segala usaha penyatuan kedua-dua syarikat itu.

"Usaha penggabungan itu tidak akan menjejaskan perkhidmatan baru yang diperkenalkan, malah Jaring yakin mampu mencapai sasarannya daripada tiga pengguna masa kini kepada 30 pelanggan menjelang akhir tahun ini," katanya.